

## **KECERDASAN VERBAL-LINGUISTIK**

**Khair hidayati binti mohd khair, fadilah binti abdul majid, khairunnisak bt yahya & munirah bt senik**

Kecerdasan verbal-linguistik merujuk kepada keupayaan dan kebolehan yang berkait dengan penguasaan bahasa, kesusasteraan, pertuturan dan kemahiran menggunakan bahasa yang kompleks. Menurut Kamus Dewan Edisi linguistik mempunyai dua makna iaitu kajian saintifik tentang bahasa atau sesuatu yang berkaitan dengan bahasa. Seseorang yang mempunyai kecerdasan dalam bidang verbal-linguistik ini mampu memberi makna, mentafsir, mendalami sesuatu perkara yang tersirat di dalam bahasa. Menurut Howard Gardner's, (1983), seseorang yang mempunyai kecerdasan linguistik mampu memahami, bertutur, menulis pelbagai jenis bahasa dan mampu menguasai bahasa asing dengan baik dan fasih. Selain itu, seseorang yang memiliki kecerdasan linguistik terdiri daripada golongan yang cemerlang pada peringkat persekolahan dalam bidang bahasa. Individu sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan bahasa dan menonjolkan diri apabila bersuara. Mereka mempunyai kelebihan dalam berbahasa dan sensitif kepada sesuatu perkara serta meminati ilmu falsafah dan isu-isu sosial.

Seterusnya, individu yang mempunyai kecerdasan linguistik kerap membaca serta mempunyai keinginan yang tinggi dalam pengetahuan. Mereka juga suka membaca bacaan yang meluas dalam pelbagai subjek serta membaca dengan pantas. Selain itu, mereka mempunyai tatabahasa yang tinggi dan menggunakan tatabahasa yang baru dan unik.

Individu dengan kecerdasan ini sering menjadi peguam, ahli bahasa, ahli puisi, penulis atau ahli pidato yang sangat cemerlang. Tokoh bahasa yang cemerlang di negara kita adalah Tan Sri A. Samad Said, Osman Awang dan Za'ba.